

ECNA himpun pemikir USIM

SEREMBAN 12 Jun - Seramai 100 peserta menyertai Kongres Pendidikan Integrasi Naqli dan Aqli (ECNA 2015) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) anjuran Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dan Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP) USIM, di sini semalam.

Sebanyak 40 kertas kerja dibentangkan dalam kongres itu yang membincangkan tiga kluster iaitu pengajian Islam, sains sosial dan sains dan menghimpunkan tokoh-tokoh pemikir dan warga akademik universiti itu dalam melaksanakan integrasi Naqli dan Aqli untuk menghasilkan model pelaksanaan di USIM.

Menurut Pengarah program, Profesor Madya Dr. Bhasah Abu Bakar, objektif penganjurannya adalah bagi mewujudkan perkongsian pelaksanaan model integrasi Naqli dan Aqli dalam pengajaran serta pembelajaran di USIM selain menghasilkan bahan-bahan rujukan untuk pelaksanaannya.

Beliau berkata, agenda integrasi Naqli dan Aqli diterapkan bukan sahaja dalam aspek pengajian dan pelajar sahaja tetapi diserapkan untuk aspek-aspek lain seperti latihan dan kursus kakitangan pentadbiran USIM.

"Ia telah menganjurkan Program Eksplorasi Qalbu di mana

program yang bersifat outdoor ini bertujuan untuk memupuk kecermerlangan diri yang berlandaskan kesempurnaan ibadah dan menerapkan akauntabiliti dan integriti sekali gus mengangkasa imej USIM berteraskan kesebatian Naqli dan Aqli di kalangan warga USIM," katanya.

Majlis perasmian kongres itu telah disempurnakan oleh Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdullah Md. Zin.

Yang turut hadir, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani.



DR. ZULKIPLE ABD. GHANI menyampaikan ucapnama dalam Kongres Pendidikan Integrasi Naqli dan Aqli di Universiti Sains Islam Malaysia di Seremban, Negeri Sembilan, semalam.